



# جایتن آکام اسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Ruj Tuan	:	
Ruj Kami	:	Bil (29) JAIPk/BPM/36/3
		Jld 2
Tarikh	:	07 Rabiulakhir 1444 H
		02 November 2022 M

Pengerusi Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau di Negeri Perak Darul Ridzuan

Pengerusi, Mudir dan Pengetua  
Maahad Tahfiz Al-Quran dan Sekolah Agama di Negeri Perak

YBhg. Dato'/Tuan,

## **PEKELILING PENGIMARAHAN MASJID, SURAU, MAAHAD TAHFIZ DAN SEKOLAH AGAMA SEPANJANG TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM KE- 15 (PRU-15)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan kepada Pilihan Raya Umum ke-15. Berpandukan kenyataan Suruhanjaya Pilihan Raya, tarikh penamaan calon ditetapkan pada 5 November 2022 dan tarikh mengundi ditetapkan pada 19 November 2022.

2. Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan untuk memastikan kesucian Agama Islam dipelihara dan memastikan institusi Agama Islam dilindungi daripada dicemari oleh kegiatan politik kepartian, Jabatan Agama Islam Perak dengan ini menetapkan peraturan dan panduan berikut mengenai program dan aktiviti yang dianjurkan di masjid, surau, maahad tahfiz dan sekolah agama sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Umum ke-15.

### **2.1. Perkara Yang Dibenarkan:**

- 2.1.1 Solat Jemaah seperti kelaziman dipimpin oleh pegawai masjid.
- 2.1.2 Kelas pengajian fardu ain dan kelas pengajaran Al-Quran menurut yang telah dijadualkan.
- 2.1.3. Acara tahlil menurut yang lazim diadakan dipimpin oleh pegawai masjid.
- 2.1.4. Solat-solat sunat dan solat jenazah (dipimpin oleh ahli keluarga atau pegawai masjid) seperti kelaziman.
- 2.1.5. Khutbah Jumaat disampaikan oleh pegawai masjid atau surau diri Jumaat yang berkaitan (jika tidak menjadi calon atau pekerja parti).
- 2.1.6. Calon yang mahu berjemaah di masjid atau surau tetapi hanya sebagai maknum.

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**

**2.2. Perkara Yang Ditangguhkan:**

- 2.2.1. Program tazkirah yang disampaikan oleh penceramah luar.
- 2.2.2. Ceramah agama oleh penceramah luar atau penceramah yang aktif bekerja dan berkempen untuk calon atau mana-mana parti politik.

**2.3. Perkara Yang Dilarang:**

- 2.3.1. Calon, pemimpin parti politik, petugas parti politik mengambil alih menjadi imam dan khatib daripada pegawai masjid.
- 2.3.2. Menyampaikan Khutbah Jumaat yang bukan dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak.
- 2.3.3. Mengadakan ceramah, ucapan, pengumuman dan lawatan yang ada elemen berkempen.
- 2.3.4. Mengumumkan bantuan, penyerahan sumbangan dan tajaan jamuan atas nama calon dan parti politik.
- 2.3.5. Mengadakan acara perasmian atau pecah tanah pembinaan masjid, surau, maahad tahfiz dan sekolah agama.
- 2.3.6. Pemasangan lambang dan bendera parti dan poster calon dalam bangunan dan perkarangan masjid, surau, maahad tahfiz dan sekolah agama.
- 2.3.7. Mengedarkan risalah kempen dan manifesto.

3. Arahan ini berkuat kuasa mulai solat Maghrib hari Jumaat 4 November 2022 sehingga solat Subuh 20 November 2022.

4. Jika terdapat sebarang keraguan atau keadaan tidak kepastian, pihak tuan dinasihatkan merujuk dan mendapatkan nasihat Orang Besar Jajahan dan Pegawai Tadbir Agama.

5. Semoga kita mendapat petunjuk llahi memenuhi amanah dan tanggungjawab memelihara kesucian agama Islam dan institusi Islam daripada dicemari.

Sekian, wasalam.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI HARITH FADZILAH BIN ABDUL HALIM)**

Pengarah

Jabatan Agama Islam

Negeri Perak Darul Ridzuan

s.k Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak  
Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak  
Orang Besar Jajahan Daerah  
Datuk Bandar Ipoh  
Pegawai Daerah  
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Daerah  
Pegawai Tadbir Agama Daerah  
Pegawai Baitulmal Daerah  
Fail Timbul